

27 FEB 2001

PELAJAR UPM ANJUR MAJLIS MAKAN MALAM DAN SUMBANG BAKTI

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Penuntut kursus Asas Strategi Komunikasi Universiti Putera Malaysia (UPM) akan menganjurkan Majlis Makan Malam dan Sumbang Bakti bagi mengisi Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia, Hospital Kuala Lumpur.

Majlis itu akan diadakan pada 17 Mac bertujuan untuk mengutip derma dan sumbangan ikhlas dari syarikat korporat serta orang perseorangan bagi membantu golongan yang kurang bernasib baik.

Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Prof Dr Shaik Mohd Nor Alam berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan hadir untuk menerima sumbangan daripada penaja.

Projek yang dianjurkan itu boleh membantu pelajar mengaplikasikan teknik-teknik komunikasi yang dipelajari, katanya dalam satu kenyataan hari ini.

"Projek yang diilhamkan oleh penuntut kursus itu dengan tunjuk ajar pensyarah kursus Dr Abdul Rashid Md Ali membuktikan tenaga dan idealisme pelajar boleh disalurkan ke arah aktiviti lebih kreatif yang memberi sumbangan bermakna secara konstruktif kepada masyarakat," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Syarikat korporat yang berminat menghulurkan sumbangan boleh menghubungi sekretariat majlis itu di talian 03-89486101 sambungan 2944 atau 017-3568606.

-- BERNAMA
MUN MUN RHM